

Hak Wanita Melayu Dalam Harta Pusaka: Analisis Daripada Perspektif Al-Qur'an Dan Sunnah

Maisarah Saidin
Universiti Jordan
sara_izara@yahoo.com

Roshimah Shamsudin
Universiti Sains Malaysia
roshimah@usm.my

ABSTRAK

Agama dan sosio budaya berperanan dalam mencorakkan amalan pembahagian harta pusaka dalam kalangan masyarakat Malaysia. Agama Islam telah menetapkan dengan jelas hak dan bahagian harta pusaka antara lelaki dan wanita. Namun begitu, perubahan sosio budaya yang berlaku telah memperlihatkan golongan wanita pada masa kini bergerak aktif dalam sistem masyarakat dan sebahagiannya bertindak sebagai pencari nafkah sama ada utama atau sampingan. Justeru, perubahan tersebut mengundang perhatian golongan liberal untuk mengkritik hukum Islam berkaitan pembahagian harta pusaka. Mereka berpandangan bahawa pembahagian harta nisbah 2:1, iaitu lelaki melebihi wanita sudah tidak relevan dan mempunyai unsur diskriminasi terhadap hak wanita serta perlu diubah bagi menjamin keadilan dan kesamarataan hak. Justeru, penulisan kertas kerja ini akan menganalisis hak wanita dalam pembahagian harta pusaka berdasarkan perspektif al-Qur'an dan Sunnah Nabi SAW, seterusnya menjelaskan hikmah pelaksanaan pembahagian tersebut. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian yang berbentuk kualitatif ini akan menjalankan kaedah pengumpulan data yang dilaksanakan melalui kajian kepustakaan untuk mendapatkan data-data yang berkaitan dengan amalan masyarakat Melayu. Seterusnya data-data tersebut akan dianalisis melalui kaedah induktif dan deduktif dengan bersandarkan al-Qur'an dan kitab-kitab hadith induk seperti *al-Kutub al-Sittah*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa hak harta pusaka yang diberikan kepada kaum wanita sebanyak satu perdua, satu pertiga dan satu perempat serta satu perenam atau satu perlapan yang diamalkan dalam kalangan masyarakat Melayu berteraskan konsep faraid adalah selaras dengan nas-nas yang terdapat dalam al-Qur'an dan Sunnah Nabi SAW. Di samping itu, hasil kajian juga menunjukkan bahawa hikmah pelaksanaan pembahagian harta pusaka yang dijelaskan oleh al-Qur'an dan Sunnah nabi SAW, dimana pembahagian nisbah harta pusaka lelaki melebihi wanita adalah sesuai dengan peranan dan tanggungjawab yang digalas mereka serta memenuhi konsep keadilan yang dianjurkan Islam.

Kata Kunci: Hak, Wanita Melayu, Harta pusaka, al-Qur'an, al-Sunnah.

PENGENALAN

Harta pusaka dapat diterjemahkan sebagai peninggalan seseorang yang telah meninggal dunia, baik berupa harta benda atau hak-hak atau apapun asset yang mempunyai nilai kebendaan yang dibenarkan syariat untuk dipusakai oleh ahli waris. Menurut kamus Dewan (2005: 5), harta

pusaka merupakan harta yang ditinggal oleh seseorang yang mati untuk diwarisi oleh ahli keluarganya serta yang lain. Harta yang dimaksudkan itu tidak termasuk harta yang telah diberi kepada orang lain semasa hayatnya, harta yang dijual oleh si mati, harta yang telah diwakafkan, harta yang dipegang amanah oleh si mati, pencen (termasuk pencen terbitan), ganjaran dan Socso serta pemberian oleh orang yang menziarahi si mati (Resali Muda, 2016: 1).

Dalam Islam terdapat suatu kaedah pembahagian harta pusaka yang dinamakan sebagai faraid. Undang-undang faraid ini adalah bersumberkan kepada al-Qur'an, Sunnah, ijmak sahabat dan ijthad bagi masalah-masalah tertentu. Pembahagian harta pusaka tersebut tertakhluk kepada sebab dan syarat-syarat tertentu mengikut kadar yang telah ditetapkan ataupun secara pemuafakatan. Bagi hak pewarisan harta kepada wanita, Allah telah mengangkat status mereka dari didiskriminasi untuk menerima hak warisan sebagaimana yang telah berlaku pada zaman Jahiliyyah, perkara tersebut telah dijelaskan dalam firmanNya:

لِّلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ
وَالْأَقْرَبُونَ مِمَّا قَدَرُوهُنَّ ۗ

Maksudnya: Orang-orang lelaki ada bahagian pusaka dari peninggalan ibu bapa dan kerabat, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian pusaka dari peninggalan ibu bapa dan kerabat, sama ada sedikit atau banyak dari harta yang ditinggalkan itu; iaitu bahagian yang telah diwajibkan (dan ditentukan oleh Allah).

Pembahagian harta pusaka kepada wanita telah dijelaskan secara terperinci dalam al-Qur'an melalui ayat al-mawarith khususnya ayat 11, 12, dan 176 daripada surah al-Nisa'. Selain nas al-Quran dalam Surah al-Nisa', penetapan bahagian pusaka wanita juga terdapat dalam hadith-hadith Nabi s.a.w yang memperlihatkan enam kategori waris wanita yang berhak mendapat harta pusaka iaitu anak perempuan bagi anak lelaki, nenek, saudara perempuan kandung dan sebapa, ibu saudara seibu dan wanita yang memerdekakan hamba (Jasni Sulong 2012:227). Penetapan bahagian pusaka untuk waris wanita yang berasaskan nas al-Qur'an dan al-hadith dilaksanakan melalui mekanisme yang diistilahkan sebagai faraid yang merupakan ketetapan Allah kepada setiap hambanya yang dapat bertindak untuk mengurus dan menyelesaikan solusi bagi masalah agihan harta pusaka. Selain kaedah faraid, terdapat juga cara lain yang turut digunapakai dalam amalan pembahagian harta pusaka yang diberi nama sebagai mekanisme permuafakan atau lebih dikenali dengan istilah kaedah *takharuj* yang disifatkan urut melibatkan elemen *sulh* sesama ahli waris atas asas prinsip redha meredhai dan toleransi (Mohamad Arif Sabtu & Siti Mashitoh Mahamood 2017: 22).

Justeru, kertas kerja ringkas ini akan membincangkan hak wanita Melayu dalam pembahagian harta pusaka wanita dengan menganalisisnya daripada perspektif al-Qur'an dan Sunnah Nabi S.A.W serta hikmah perlaksanaannya.

AMALAN PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA DALAM KALANGAN MASYARAKAT MELAYU

Menurut Jasni Sulong meskipun peruntukan harta pusaka wanita sudah jelas dan terperinci dari segi teorinya dengan adanya nas-nas dari al-Quran dan al-hadith, namun amalan secara praktikalnya masih menimbulkan konflik khususnya dalam kes pembahagian harta tidak alih seperti tanah yang sekaligus memberi indikasi bahawa hanya kaum lelaki sahaja yang berhak

mewarisi hartanah (Jasni Sulong 2012:232). Dalam kes harta tidak alih seperti tanah, menurut Wazir Jahan Karim lazimnya dibahagikan berdasarkan kecenderungan peribadi ibu bapa sebelum meninggal dunia dengan mengambil kira faktor anak yang lebih mengambil berat kebajikan ibu bapa atau menguruskan kebun atau ladang (Wazir Jahan Karim 1992: 122). Dalam konteks ini, menurut Charles Hirschman, ibu bapa lazimnya mempunyai kecenderungan untuk lebih mengutamakan anak lelaki terutamanya daripada kelahiran yang pertama. Keutamaan kepada anak lelaki disifatkan oleh beliau sebagai fenomena biasa dalam kalangan masyarakat Melayu yang dapat dilihat dari sudut hak lelaki dalam perwarisan dan tanggungjawab mereka untuk menyara keluarga. Kaedah pembahagian harta pusaka ini menurut beliau lagi memberi maksud anak lelaki sulung akan mewarisi semua harta pusaka (Charles Hirschman 2016:36).

Wazir Jahan Karim ketika menyuarakan pandangannya dalam isu pembahagian harta pusaka tidak alih seperti tanah walaubagaimanapun tidak menafikan bahawa secara umumnya masih lagi wujud pembahagian secara sama rata antara anak-anak lelaki dan perempuan. Walaupun demikian, terdapat juga situasi yang memberikan hak kepada anak perempuan mewarisi harta ibu dan anak lelaki mewarisi harta ayah iaitu dalam kes kedua ibu bapa adalah pemilik tanah. Bagi pembahagian dalam kes tersebut, nilai tanah tidak menjadi asas perkiraan namun berdasarkan jumlah bidang tanah yang diberikan. Ini bermakna setiap waris akan mendapat jumlah bidang tanah yang sama rata meskipun dalam kuantiti yang sedikit. Selain itu, terdapat juga kaum lelaki atau wanita juga didapati memberikan semua hartanya kepada anaknya sahaja seperti yang dapat dilihat dalam kes wanita yang merupakan isteri kedua yang kemudiannya ingin berkahwin lain selepas kematian suami pertamanya. Begitu juga dengan kes suami yang hanya memberikan hak tersebut kepada anak-anak daripada perkahwinan terdahulu sahaja. Amalan pembahagian harta pusaka seumpama ini kebiasaannya dikaitkan dengan dokumen hitam putih secara rasmi yang dimeterai di Pejabat Tanah selain dilaksanakan kadang kala berdasarkan kaedah janji yang menuntut anak-anak bersetuju dengan keputusan ibu bapa selepas kematian mereka (Wazir Jahan Karim 1992: 122).

Bagi harta boleh alih, waris wanita masih mendapat hak mereka khususnya harta yang berbentuk barangan perhiasan (Jasni Sulong 227-232). Kenyataan beliau ini selaras dengan pandangan Mahani Musa yang menyatakan bahawa kaum wanita mempunyai peluang yang tinggi untuk mendapat harta boleh alih seperti barang kemas yang kelazimannya diwarisi oleh mereka namun kaum lelaki juga boleh mengambil haknya dengan menyerahkannya kepada anak isteri mereka (Mahani Musa 2005:81)

Secara lebih spesifik, amalan masyarakat Melayu dalam pembahagian harta pusaka lelaki mahupun wanita dibahagikan oleh Janet Carsten kepada dua iaitu secara rasmi melalui faraid dan secara tidak rasmi melalui adat (Janet Carsten 1988: 270). Menurut Mahani Musa kelazimannya cara pembahagian harta pusaka masyarakat Melayu adalah berteraskan hukum syarak yang berlandaskan nas al-Quran yang termaktub dalam surah al-Nisa' yang merujuk kepada kaedah faraid di samping pemakaian beberapa kaedah lain seperti berdasarkan hukum adat, wasiat dan secara hebahan. Beliau berpandangan bahawa pembahagian harta pusaka secara faraid dari satu segi tidak membolehkan wanita memiliki harta yang banyak. Perkara ini bertitik tolak daripada kedudukan anak perempuan dalam pembahagian harta yang diletakkan sebagai waris gantian yang mendapat baki harta bersama-sama anak lelaki yang merupakan waris utama berasaskan nisbah dua bahagian untuk anak lelaki dan satu bahagian untuk anak perempuan. Manakala cara pembahagian berdasarkan hebahan pula memberi ruang kepada sesiapa yang masih hidup membuat pembahagian kepada waris tertentu dengan cara mengumumkannya di hadapan

beberapa saksi. Kaedah pembahagian harta pusaka secara hukum adat menjadi pertimbangan penting masyarakat Melayu dilihat dari aspek kedudukan adat Melayu itu sendiri. Pembahagian secara hukum adat ditafsirkan sebagai cara pembahagian berasaskan permuafakatan dalam erti kata mendapat persetujuan semua waris tanpa mengambil kira cara mana sekali pun selain daripada cara syarak. Pelaksanaan berdasarkan cara ini disifatkan lebih mudah dan cepat kerana tidak melibatkan karenah birokrasi. Meskipun demikian, kaedah ini juga belum tentu memberi jaminan bahawa kaum wanita akan mendapat faedah. Ini kerana ia bergantung kepada budi bicara waris lelaki dalam sesebuah keluarga yang lazimnya diberikan tanggungjawab untuk mengetuai pembahagian tersebut. Selain itu, pembahagian harta pusaka secara wasiat meskipun kurang popular turut dijalankan dalam kalangan masyarakat Melayu khususnya kaum wanita yang memperlihatkan mereka menggunakannya sebagai jalan terakhir untuk mengelakkan perebutan harta pusaka dan penipuan dalam segala urusan yang melibatkan pemindahan harta atau jual beli serta pembahagian tidak sama rata antara waris. (Mahani Musa 2005:81,89).

Amalan pembahagian harta pusaka wanita antara berteraskan hukum syarak dan adat menurut Janet Carsten berupaya mencetuskan perdebatan yang berterusan akibat wujud percanggahan yang jelas antara hukum syarak dan adat (Janet Carsten 1988: 270). Dalam hal ini juga, Jasni Sulong berpandangan konflik yang timbul ini berpunca daripada amalan masyarakat yang mengutamakan adat dan tradisi yang menyeleweng. Implikasinya, hak waris wanita akan sentiasa terabai (Jasni Sulong 212: 238) Secara kasarnya, berdasarkan pembahagian melalui kaedah faraid, hukum adat dan wasiat, kaum wanita dilihat sukar untuk memiliki harta yang banyak. Namun bagi sesetengah situasi, kaum wanita Kedah umpamanya didapati meninggalkan harta pusaka yang banyak seperti yang dapat dibuktikan melalui rekod Pejabat Setem Kedah. Perkara ini memberi petanda bahawa selain kaedah perwarisan, kaum wanita memiliki harta melalui mekanisme lain seperti usahasama suami isteri atau usaha sendiri apatah lagi kaum wanita Melayu juga tidak kurang hebatnya dari segi kedudukan sosial mereka contohnya sebagai isteri kerabat diraja, pembesar dan penghulu (Mahani Musa 2005:81)

HAK WANITA DALAM HARTA PUSAKA MENURUT PERSPEKTIF AL-QUR'AN DAN SUNNAH NABI SAW

Terdapat 10 orang waris yang berhak mendapat pusaka dari kalangan wanita (Sulong, 2012), mereka ialah isteri, anak perempuan, ibu, saudara perempuan seibu sebapa, saudara perempuan sebapa, saudara perempuan seibu, cucu perempuan (dari anak lelaki hingga ke bawah, nenek sebelah ibu, nenek sebelah bapa dan wanita yang memerdekakan hamba. Pembahagian harta pusaka kepada wanita telah dijelaskan secara terperinci dalam al-Qur'an melalui ayat 11, 12, dan 176 daripada surah al-Nisa'. Hak wanita dalam pembahagian harta pusaka yang dijelaskan dalam al-Qur'an dan hadith dapat dipecahkan seperti berikut;

1. Hak Pusaka Anak Perempuan dan Cucu Perempuan

Kadar pusaka anak perempuan telah dijelaskan Allah SWT dalam firmanNya:

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثِيَّاتِ فَإِن كُنَّ نِسَاءً فَوْقَ اثْنَتَيْنِ فَلَهُنَّ ثُلُثَا مَا تَرَكَ وَإِن كَانَتْ وَاحِدَةً فَلَهَا
التَّصْفَاءُ ... ١١

Maksudnya: Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. Tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh si mati. Dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah satu perdua (separuh) harta itu... (Surah al-Nisa': ayat 11).

Berdasarkan firman Allah diatas dapat diperincikan keadaan pusaka yang diterima oleh anak perempuan kepada tiga kadar iaitu $\frac{1}{2}$, $\frac{2}{3}$ dan wewarisi harta pusaka dengan cara ta'sib dengan anak lelaki. Kadar $\frac{1}{2}$ daripada harta peninggalan bapa atau ibu diterima oleh anak perempuan sekiranya hanya dia seorang sahaja dan tidak memiliki adik beradik perempuan yang lain dan tidak ada anak lelaki atau 'asabah. Manakala kadar $\frac{2}{3}$ daripada pusaka diterima oleh anak perempuan sekiranya terdapat dua atau lebih anak perempuan dan tidak memiliki anak lelaki. Anak perempuan akan mewarisi harta pusaka secara ta'sib sekiranya dia memiliki adik beradik lelaki, di mana adik beradik lelaki akan mendapat dua bahagian manakala perempuan mendapat satu bahagian.

Selain itu, penelitian terhadap hadith Nabi S.A.W turut membuktikan bahawa kaum wanita diberikan hak pusaka sebanyak satu perdua daripada harta peninggalan dalam situasi beliau tidak mempunyai saudara lelaki yang menandakan bahawa kaum wanita juga turut mendapat hak yang banyak iaitu sebanyak separuh dari harta pusaka berdasarkan kaedah faraid. Perkara ini dapat dilihat dalam sebuah hadith riwayat al-Bukhari yang menunjukkan anak perempuan diberikan satu perdua, cucu perempuan dari anak lelaki mendapat satu perenam dan bakinya adalah untuk saudara perempuan (Al-Bukhari 1422H:1669). Hadith ini menunjukkan bahawa waris wanita mendapat hak mereka yang sewajarnya

Kadar pusaka yang diperolehi oleh anak perempuan dalam firman Allah tersebut juga terpakai kepada kadar pusaka yang diterima oleh cucu perempuan. Hal ini kerana, anak perempuan yang dimaksudkan dalam ayat tersebut adalah anak perempuan seibu sebapa atau anak perempuan sebapa sahaja. Oleh yang demikian, cucu perempuan akan mengambil tempat anak perempuan sekiranya anak perempuan si mati telah tiada serta akan mendapat bahagian harta pusaka sebagaimana kadar yang diperolehi anak perempuan (Ghazali, 2006). Cucu perempuan akan mendapat $\frac{1}{2}$ jika seorang, dan $\frac{2}{3}$ jika dua orang atau lebih. Selain itu, cucu perempuan akan mendapat kadar $\frac{1}{6}$ jika bersama-sama seorang sahaja anak perempuan dan tiada cucu lelaki dari anak lelaki. Mendapat asabah bil ghair ketika bersama-sama dengan cucu lelaki dengan nisbah (2: 1) dan terdinding oleh anak lelaki atau oleh dua anak perempuan kecuali jika terdapat cucu lelaki yang sama-sama menerima asabah bil ghair (Mohd Ridzuan Awang, 2008: 13).

2. Hak Pusaka Ibu

Hak pusaka ibu telas terakan dalam ayat 11 dari Surah al-Nisa' sebagaimana FirmanNya:

... وَلَا بَوَيِّهَ لِكُلِّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا الشُّدُّ مِمَّا تَرَكَ إِنْ كَانَ لَهُ وَلَدٌ ۚ فَإِنْ لَّمْ يَكُنْ لَهُ وَلَدٌ وَوَرِثَتْهُ أَبَوَاهُ فَلِأُمِّهِ الثُّلُثُ ۚ فَإِنْ كَانَ لَهُ إِخْوَةٌ فَلِأُمِّهِ الشُّدُّ ۚ ... ۱۱

Maksudnya: ...Dan bagi ibu bapa (si mati), tiap-tiap seorang dari keduanya: satu perenam dari harta yang ditinggalkan oleh si mati, jika si mati itu mempunyai anak. Tetapi jika si mati tidak mempunyai anak, sedang yang mewarisinya hanyalah kedua ibu bapanya, maka bahagian ibunya

ialah satu pertiga. Kalau pula si mati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik-beradik), maka bahagian ibunya ialah satu perenam... (Surah al-Nisa': ayat 11).

Selain itu, kadar yang diterima ibu juga dijelaskan dalam hadith sebagaimana riwayat dari Ibnu 'Abbas Radhiyallahu 'anhuma, dia berkata:

كَانَ الْمَالُ لِلْوَالِدِ وَكَانَتِ الْوَصِيَّةُ لِلْوَالِدَيْنِ، فَنَسَخَ اللَّهُ مِنْ ذَلِكَ مَا أَحَبَّ، فَجَعَلَ لِلذَّكَرِ مِثْلَ حَظِّ الْأُنثَيَيْنِ وَجَعَلَ لِلْأَبَوَيْنِ لِكُلِّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا السُّدُسَ وَجَعَلَ لِلْمَرْأَةِ الثُّمْنَ وَالرُّبْعَ وَالرُّبْعَ وَاللِّزْجَ الشَّطْرَ وَالرُّبْعَ.

Maksudnya: "Harta itu bagi anak, sedangkan wasiat bagi kedua orang tua. Lalu Allah menghapuskan dari hal itu apa yang Dia sukai, kemudian Dia memberikan bagi laki-laki itu bagian seperti bagian dua orang perempuan. Dan Dia berikan bagi kedua orang tua, masing-masing seperenam. Sementara Dia berikan kepada isteri seperdelapan dan seperempat, sedangkan bagi suami setengah dan seperempat." [HR. Al-Bukhari]

Berdasarkan ayat dan riwayat di atas, terdapat dua kadar pusaka yang digariskan oleh Islam kepada ibu iaitu 1/3 dan 1/6. Kadar 1/3 daripada harta peninggalan diterima oleh ibu sekiranya si mati tidak mempunyai anak, dan si mati juga tidak memiliki dua atau lebih adik beradik lelaki atau perempuan seibu sebapa atau sebapa atau seibu.

Manakala kadar 1/6 diperolehi ibu sekiranya si mati mempunyai anak, dan jika si mati mempunyai dua atau lebih adik beradik lelaki atau perempuan seibu sebapa atau sebapa atau seibu.

3. Hak Pusaka Isteri

Hak pusaka isteri dijelaskan dalam al-Qur'an sebagaimana Firman Allah:

﴿وَلَكُمْ نِصْفُ مَا تَرَكَ أَزْوَاجُكُمْ إِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُنَّ وَلَدٌ ۖ وَإِنْ كَانَ لَهُنَّ وَلَدٌ فَلَكُمْ الرُّبْعُ مِمَّا تَرَكَنَّ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ ۙ يُوصِينَ بِهَا أَوْ دَيْنٍ ۚ ۖ وَهُنَّ الرُّبْعُ مِمَّا تَرَكَنَّ إِنْ لَمْ يَكُنْ لَكُمْ وَلَدٌ ۚ فَإِنْ كَانَ لَكُمْ وَلَدٌ فَلَهُنَّ الثُّمْنُ مِمَّا تَرَكَنَّ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ ۙ نُوصُونَ بِهَا أَوْ دَيْنٍ ۚ ۖ...﴾

Maksudnya: Dan bagi kamu satu perdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri kamu jika mereka tidak mempunyai anak. Tetapi jika mereka mempunyai anak maka kamu beroleh satu perempat dari harta yang mereka tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang mereka wasiatkan dan sesudah dibayarkan hutangnya. Dan bagi mereka (isteri-isteri) pula satu perempat dari harta yang kamu tinggalkan, jika kamu tidak mempunyai anak. Tetapi kalau kamu mempunyai anak maka bahagian mereka (isteri-isteri kamu) ialah satu perdelapan dari harta yang kamu tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang kamu wasiatkan, dan sesudah dibayarkan hutang kamu... (Surah al-Nisa': ayat 12).

Kadar hak warisan kepada isteri juga dijelaskan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu 'Abbas Radhiyallahu 'anhuma, dia berkata:

... وَجَعَلَ لِلْمَرْأَةِ الثُّمْنَ وَالرُّبْعَ وَالرُّبْعَ وَاللِّزْجَ الشَّطْرَ وَالرُّبْعَ.

Maksudnya: "Sementara Dia berikan kepada isteri seperdelapan dan seperempat, sedangkan bagi suami setengah dan seperempat." [HR. Al-Bukhari]

Berdasarkan dalil dari al-Qur'an dan hadith tersebut, dapat difahami bahawa kadar harta pusaka yang diperolehi isteri adalah sebanyak $\frac{1}{4}$ daripada harta peninggalan suami sekiranya suami tidak mempunyai anak. Manakala isteri hanya mendapat kadar $\frac{1}{8}$ harta peninggalan suami sekiranya suami mempunyai furu' waris. Menurut Ghazali (2006), jumurh ulama bersepakat menyatakan bahawa anak di dalam ayat tersebut bermaksud furu' waris iaitu anak atau anak kepada anak lelaki dan ke bawah, samada furu' waris berasal daripada isteri tersebut atau isteri yang lain.

4. Hak Pusaka Saudara Perempuan

Hak pusaka saudara perempuan dijelaskan Allah dalam firmanNya:

... وَإِنْ كَانَ رَجُلٌ يُورَثُ كَلَلَةً أَوْ امْرَأَةً ۖ وَلَهُ أَخٌ أَوْ أُخْتٌ فَلِكُلِّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا الشُّدْرُ فَإِنْ كَانَ ثَلَاثٌ مِّنْ ذَٰلِكَ فَهُمْ شُرَكَاءَ فِي الثُّلُثِ ۚ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصَىٰ بِهَا أَوْ دِينٍ غَيْرِ مُضَارٍّ ۖ وَصِيَّةٌ مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَلِيمٌ ١٢

Maksudnya: ...Dan jika si mati yang diwarisi itu, lelaki atau perempuan, yang tidak meninggalkan anak atau bapa, dan ada meninggalkan seorang saudara lelaki (seibu) atau saudara perempuan (seibu) maka bagi tiap-tiap seorang dari keduanya ialah satu perenam. Kalau pula mereka (saudara-saudara yang seibu itu) lebih dari seorang, maka mereka bersekutu pada satu pertiga (dengan mendapat sama banyak lelaki dengan perempuan), sesudah ditunaikan wasiat yang diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya; wasiat-wasiat yang tersebut hendaknya tidak mendatangkan mudarat (kepada waris-waris). (Tiap-tiap satu hukum itu) ialah ketetapan dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Penyabar.

Dalam firman Allah tersebut, terdapat perkataan 'kalalah', yang berasal dari perkataan 'ikil' dan bermaksud kalungan yang diletakkan di atas kepala dan meliputi semua sisinya (Ibn Kathir, 1994). 'Al-Kalalah' dalam ayat tersebut dimaksudkan sebagai seseorang yang meninggal dunia, kemudian harta peninggalannya diwarisi oleh kaum kerabat dari sisinya, bukan dari waris asal (orang tua) dan bukan pula dari waris furu' (anak keturunannya).

Selain itu, terdapat riwayat yang menyatakan bahawa Saidina Umar al-Khattab r.a pernah berkata bahawa Saidina Abu Bakar r.a berpendapat bahawa pengertian 'kalalah' ialah orang yang meninggal dunia tanpa meninggalkan anak dan ayah. Pendapat ini menjadi pegangan sahabat Rasulullah s.a.w, para ulama' terdahulu mahupun semasa dan keempat-empat imam mazhab. Menurut Ibn Kathir (1994), itulah yang dimaksudkan al-Qur'an dengan 'kalalah' sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Nisa' ayat 176:

يَسْتَفْتُونَكَ قُلِ اللَّهُ يُفْتِيكُمْ فِي الْكَلَلَةِ ۚ إِنِ امْرُؤٌ هَلَكَ لَيْسَ لَهُ وَلَدٌ ۖ وَلَهُ أُخْتٌ فَلَهَا نِصْفُ مَا تَرَكَ ۚ وَهُوَ يَرِثُهَا إِنْ لَمْ يَكُنْ لَهَا وَلَدٌ ۚ ۖ وَإِنْ كَانَتْ أُمَّتًا فَلَهُمَا التُّلُثَانِ مِمَّا تَرَكَ ۚ وَإِنْ كَانُوا إِخْوَةً رِّجَالًا ۖ وَنِسَاءً ۖ فَلِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثِيَّاتِ ۚ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ أَن تَضِلُّوا ۗ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ١٧٦

Maksudnya: Mereka (orang-orang Islam umatmu) meminta fatwa kepadamu (Wahai Muhammad mengenai masalah Kalaalah). Katakanlah: "Allah memberi fatwa kepada kamu di dalam perkara

Kalalah itu, iaitu jika seseorang mati yang tidak mempunyai anak dan ia mempunyai seorang saudara perempuan, maka bagi saudara perempuan itu satu perdua dari harta yang ditinggalkan oleh si mati; dan ia pula (saudara lelaki itu) mewarisi (semua harta) saudara perempuannya, jika saudara perempuannya tidak mempunyai anak. Kalau pula saudara perempuannya itu dua orang, maka keduanya mendapat dua pertiga dari harta yang di tinggalkan oleh si mati. Dan sekiranya mereka (saudara-saudaranya itu) ramai, lelaki dan perempuan, maka bahagian seorang lelaki menyamai bahagian dua orang perempuan". Allah menerangkan (hukum ini) kepada kamu supaya kamu tidak sesat. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

Di samping itu, terdapat hadith yang menceritakan tentang kadar pusaka yang diperolehi al-kalalah sebagaimana riwayat yang dikeluarkan Imam Ahmad, Bukhari dan Muslim. Riwayat tersebut dari Jabir bin Abdullah, beliau berkata: aku pernah sakit lalu Nabi S.A.W datang menziarahiku dan aku pengsan ketika itu. Beliau datang bersama Abu Bakr dan Umar dengan berjalan kaki. Kemudian Nabi S.A.W mengambil wuduk dan memercikkan air wuduknya kepadaku lalu aku tersedar. Kemudian aku bertanya, wahai Rasulullah S.A.W. apa yang harus aku lakukan dengan hartaku? Atau apa yang harus aku buat dengan hartaku? Namun Nabi S.A.W. belum menjawab pertanyaanku. Beliau memiliki sembilan saudara perempuan, sehingga turun ayat *mirath* iaitu ayat 176 daripada surah al-Nisa' yang bermaksud, mereka meminta fatwa darimu tentang *kalalah*, Jabir berkata ayat itu turun berkaitan masalahku (Al-Bukhari 1422H: 1671).

Terdapat juga hadith lain dari Nasa'I, al-Baihaqi dan Ibn Sa'as menyebut bahawa Jabir juga telah bertanya kepada Rasulullah s.a.w. "bolehkah aku mewariskan untuk saudara-saudaraku sepertiga? Rasulullah menjawab "amat baik"! Rasulullah pun keluar kemudian masuk kembali dan berkata kepada Jabir "pada penglihatanku engkau belum akan mati kerana sakitmu ini. Lalu Allah SWT telah menurunkan firmanNya bahawa saudara-saudaramu itu akan mendapat dua pertiga" (Hamka, 1987).

Kadar Pusaka Saudara Perempuan Seibu

Berdasarkan firman Allah pada ayat 12 yang dijelaskan di atas, adik beradik seibu tidak layak mendapat pusaka si mati sekiranya si mati memiliki ayah (asl) mahupun anak (furu'). Mereka juga tidak layak mendapat pusaka sekiranya terdapat terdapat mawani' al-irith (penghalang daripada mendapat pusaka) seperti mereka kafir atau membunuh (Ghazali, 2006).

Justeru itu, berdasarkan firman Allah tersebut, dapat difahami bahawa kadar yang diwarisi oleh adik beradik si mati samada saudara lelaki mahupun saudara perempuan seibu ialah saudara perempuan mendapat kadar 1/6 jika ianya seorang dan tiada waris lain. Manakala ia memperolehi kadar 1/3 sekiranya terdapat dua orang atau lebih, serta tiada waris lain, dan mewarisi secara samarata. Saudara lelaki dan perempuan akan terdinding (mahjub) dari mendapat harta sekiranya terdapat anak atau cucu dari anak lelaki si mati atau dengan bapa atau dengan datuk.

Kadar Pusaka Saudara Perempuan Seibu Sebapa

Saudara perempuan seibu sebapa akan memperolehi $\frac{1}{2}$ daripada harta pusaka sekiranya dia berseorangan dan tidak mempunyai saudara lelaki seibu sebapa. Selain itu, kadar $\frac{2}{3}$ diperolehi saudara perempuan seibu sebapa jika mereka terdiri dari dua orang atau lebih dan tidak mempunyai saudara lelaki seibu sebapa. Saudara perempuan seibu sebapa hanya memperolehi Asobah bil Ghair jika ada saudara lelaki seibu sebapa (nisbah 2:1). Asobah maal Ghair jika si mati mempunyai furu' waris perempuan seperti anak perempuan, cucu perempuan kepada anak lelaki atau kedua-duanya sekali samada seorang mahupun ramai. Saudara perempuan seibu sebapa mahjub dengan adanya ayah, datuk dan anak lelaki (Barraj, 1999: 364).

Kadar Pusaka Saudara Perempuan Sebapa

Saudara perempuan sebapa memperolehi $\frac{1}{2}$ dari harta pusaka sekiranya dia berseorangan dan tidak memiliki saudara lelaki sebapa, di samping tidak ada furu'waris perempuan yang menjadi 'asabah bersamanya serta si mati tidak memiliki adik perempuan seibu sebapa. Kadar $\frac{2}{3}$ diperolehi jika mempunyai dua orang atau lebih saudara perempuan dan tidak mempunyai saudara lelaki sebapa. Saudara perempuan sebapa mendapat kadar $\frac{1}{6}$ sekiranya terdapat seorang saudara perempuan seibu sebapa si mati. Asobah bil Ghair jika terdapat saudara lelaki sebapa (nisbah 2: 1). Asobah maal Ghair jika ada anak kandung perempuan atau cucu perempuan dan ke bawah. Saudara perempuan sebapa terdinding (mahjub) dari mendapat pusaka sekiranya terdapat ayah, datuk, anak lelaki, saudara perempuan dan lelaki seibu sebapa dan dua orang saudara perempuan seibu sebapa (Zaidan, 1994: 307).

5. Hak Pusaka Nenek

عن ابن بُرَيْدَةَ عَنْ أَبِيهِ : (أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جَعَلَ لِلْجَدَّةِ السُّدُسَ ، إِذَا لَمْ يَكُنْ دُوَهَا أُمُّ) .

Manakala daripada Ibnu Buraidah daripada bapanya: "Sesungguhnya Rasulullah S.A.W. memberikan kepada nenek $\frac{1}{6}$ apabila (si mati) tidak mempunyai ibu" (Hadis riwayat Abu Daud dan Nasa'ie).

Berdasarkan hadis tersebut, nenek sebelah bapa akan memperolehi kadar $\frac{1}{6}$ jika berseorangan, dan jika si mati tidak mempunyai bapa atau ibu. Nenek sebelah ibu akan mendapat $\frac{1}{6}$ jika si mati tidak mempunyai ibu. Manakala sekiranya terdapat dua orang nenek iaitu nenek sebelah bapa dan nenek sebelah ibu, maka kedua-duanya berkongsi pada kadar $\frac{1}{6}$ iaitu $\frac{1}{12}$ bagi nenek sebelah bapa dan $\frac{1}{12}$ bagi nenek sebelah ibu (Mohd Ridzuan Awang, 2008: 13).

HIKMAH PERLAKSANAAN PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA MENGIKUT KETETAPAN AL-QUR'AN DAN SUNNAH

Setiap pengamalan hukum Islam sentiasa mengandungi hikmah atau manfaat untuk individu maupun masyarakat, begitu juga pelaksanaan hukum faraid. Namun begitu, pelaksanaan hukum faraid ini dilihat tidak adil oleh golongan liberal kerana mempunyai unsur-unsur diskriminasi terhadap golongan wanita. Hal ini kerana, mereka lebih melihat kepada kadar yang diperolehi oleh waris lelaki yang mendapat bahagian yang lebih berbanding waris wanita tanpa mengetahui tanggungjawab yang perlu digalas oleh waris lelaki.

Dalam keadaan tertentu, waris lelaki menerima bahagian harta yang lebih daripada waris perempuan disebabkan lelaki bertanggungjawab untuk memelihara kepentingan dan kebajikan wanita. Hak diberi seiring dengan tanggungjawab, di mana hak yang lebih besar akan membawa kesan kepada tanggungjawab lebih besar. Ini kerana orang lelaki diwajibkan membayar mahar kepada wanita seterusnya bertanggungjawab memberi nafkah kepada isteri, manakala seorang bapa bertanggungjawab menyediakan nafkah kepada anak-anak. Begitu juga anak lelaki bertanggungjawab kepada ibu bapa, dan datuk kepada cucu. Oleh yang demikian, tidak hairanlah kenapa Islam memperuntukkan pembahagian harta yang lebih kepada waris lelaki. Selain itu juga, Fadil dan Sana' (1991: 322) menjelaskan bahawa lelaki memerlukan kewangan yang banyak untuk menampung kehidupan seharian seperti memberi nafkah dan menampung pembelajaran ahli keluarga. Manakala perempuan tidak perlu mengeluarkan nafkah atau menanggung seseorang, sebaliknya perempuan ditanggung oleh bapa atau walinya sekiranya belum berkahwin dan perbelanjaan selepas berkahwin merupakan tanggungjawab suami.

Kesesuaian kadar yang diperolehi oleh lelaki ini adalah selaras dengan firman Allah SWT:

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ ۚ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ... ٣٤

Maksudnya: "Kaum lelaki (suami) adalah pemimpin kaum wanita, kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka (kaum lelaki) atas sebahagian lainnya (kaum wanita), dan karena mereka (kaum lelaki) memberikan nafkah dari hartanya." (Surah An-Nisa: ayat 34)

Kadar yang diperolehi ini bertujuan memastikan keadilan terhadap keluarga si mati, dimana pengagihan harta pusaka kepada semua ahli-ahli waris adalah selaras dengan kedudukan peranan dan tanggungjawab serta keakraban hubungan kekeluargaan dengan si mati bersesuaian dengan hak dan kadar yang telah ditetapkan kepadanya.

Selain itu, golongan liberal ini juga menuntut konsep faraid untuk dikaji semula. Ini kerana, mereka berpandangan konsep Islam memberi pembahagian harta yang lebih kepada waris lelaki hanya kerana berkaitan dengan kewajipan lelaki untuk menanggung wanita sahaja. Mereka juga menuntut agar diperuntukkan suatu kaedah keseimbangan sekiranya waris lelaki tersebut tidak melaksanakan tanggungjawabnya (Sister in Islam, 2019). Namun begitu, Allah SWT telah menyatakan ancamannya terhadap golongan yang menghalangi kaum wanita dari mendapat harta warisan atau memakannya dengan cara yang zalim dan jahat atau menetapkan hukum padanya dengan selain yang diturunkan oleh Allah Ta'ala melalui firmanNya:

وَلْيَحْشَ الَّذِينَ لَوْ تَرَكُوا مِنْ خَلْفِهِمْ ذُرِّيَّةً ۙ ضِعْفًا خَافُوا عَلَيْهِمْ فَلْيَتَّقُوا اللَّهَ وَلْيَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا ۙ ٩ إِنَّ الَّذِينَ يَأْكُلُونَ أَمْوَالَ
الْيَتَامَىٰ ظُلْمًا إِنَّمَا يَأْكُلُونَ فِي بُطُونِهِمْ نَارًا ۙ وَسَيَصْلُونَ سَعِيرًا ۙ ١٠

Maksudnya: Dan hendaklah takut kepada Allah orang-orang yang seandainya meninggalkan di belakang mereka anak-anak yang lemah, yang mereka khawatir terhadap (kesejahteraan) mereka. Oleh sebab itu hendaklah mereka bertakwa kepada Allah dan hendaklah mereka mengucapkan perkataan yang benar. Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak yatim secara zalim, sebenarnya mereka itu menelan api sepenuh perutnya dan mereka akan masuk ke dalam api yang menyala-nyala (Neraka) (al-Nisa': 9-10).

Selain itu pada dasarnya, amalan pembahagian harta pusaka yang mengeneppikan hak wanita sama sekali ternyata bercanggah dengan Sunnah Nabi S.A.W seperti yang dapat dilihat daripada sebuah hadith riwayat al-Tirmidhi yang menceritakan seorang perempuan dari kaum Ansar yang mengadu kepada Nabi S.A.W mengenai hak pusaka bagi dua orang anak perempuan Saad bin Rabi' yang telah dirampas kesemuanya oleh bapa saudara mereka setelah kematian Saad. Setelah turun wahyu, Nabi s.a.w memanggil wanita tersebut dan pakcik kepada dua anak perempuan Saad lalu berkata "berikan kepada dua-duanya sebanyak dua pertiga, berikan satu perlepasan kepada ibu mereka dan bakinya adalah untukmu (Al-Tirmidhi t.th: 599). Berdasarkan riwayat tersebut yang dinilai *sanadnya* sebagai *hasan* oleh al-Albani (Al-Albani t.th:92) ternyata bahawa perbuatan mengambil hak harta pusaka wanita adalah tidak bertepatan dengan Sunnah Nabi S.A.W.

Di samping itu, pelaksanaan pembahagian harta yang didasari al-Qur'an dan Sunnah juga bertujuan memastikan keseimbangan mekanisme pengagihan harta pusaka. Konsep ini jelas digambarkan melalui pelupusan dalam bentuk wasiat untuk kebajikan yang dilakukan perlulah tidak mendatangkan mudarat kepada ahli-ahli waris yang berhak di mana kadarnya tidak melebihi 1/3 harta pusaka si mati (Md Yazid Ahmad, t.t). Peringatan untuk tidak mendatangkan mudarat tersebut jelas terakam dalam Firman Allah SWT:

... مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصَىٰ بِهَا أَوْ دَيْنٍ غَيْرِ مُضَارٍّ ۗ وَصِيَّةٌ مِنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَلِيمٌ ١٢

Maksudnya: Wasiat-wasiat yang tersebut hendaknya tidak mendatangkan mudarat (kepada waris-waris). (Tiap-tiap satu hukum itu) ialah ketetapan dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Penyebar.

Selain itu, terdapat sabda Rasulullah s.a.w yang tidak menggalakkan umatnya meninggalkan warisnya dalam keadaan miskin sebagaimana riwayatnya kepada Sa'ad bin Waqas yang bermaksud:

الثُّلُثُ كَبِيرٌ، إِنَّكَ إِذَا تَرَكْتَ وَلَدَكَ أَعْنِيَاءَ حَيْرٌ مِنْ أَنْ تَتْرَكَهُمْ عَالَةً يَتَكَفَّفُونَ النَّاسَ

"Sepertiga dan sepertiga itu sudah banyak, sesungguhnya lebih baik bagi kamu meninggalkan warismu dalam keadaan kaya daripada meninggalkan mereka dalam keadaan miskin yang meminta-minta kepada orang lain" (Riwayat al-Bukhari, 1422H: 6733).

Di samping itu, terdapat beberapa keadaan di mana wanita mendapat sama atau lebih bahagian harta pusaka berbanding lelaki. Keadaan ini berlaku sekiranya si mati mempunyai anak, maka kedua ibubapa akan mendapat kadar yang sama iaitu 1/6. Selain itu, adik beradik seibu mendapat bahagian yang sama tidak kira lelaki atau perempuan. Di samping itu, perempuan boleh mendapat lebih daripada bahagian pusaka yang telah ditetapkan melalui konsep takharuj. Takharuj bererti persetujuan oleh seorang pewaris atau kesemua pewaris untuk menarik diri daripada mengambil haknya dalam pusaka sebaliknya pewaris tersebut menerima sesuatu sebagai ganti, sama ada gentian tersebut diambil daripada peninggalan pusaka atau tidak. (Zaidan,1994: 420). Dalam kata lain, pewaris menggugurkan haknya daripada mengambil harta pusaka. Konsep ini bersumberkan riwayat yang menyatakan bahawa Abdul Rahman bin 'Auf mempunyai empat orang isteri. Semasa beliau dalam keadaan sakit teruk (marad almut), beliau telah menceraikan salah seorang isterinya iaitu tamadir bint alasbagh dan Abdul Rahman bin 'Auf meninggal ketika

tamadir dalam iddah. Maka dia layak menerima harta peninggalan Abdul Rahman sebanyak 1/8 dan tamadir setuju menerima 1/4 daripada 1/8 bahagiannya, lalu dikeluarkan 83 ribu dinar sebagai gantiannya (al-Syalabiyy,1978: 366). Berdasarkan konsep takharuj ini, wanita boleh mendapat harta pusaka yang lebih daripada apa yang ditetapkan oleh syarak.

KESIMPULAN

Amalan masyarakat Melayu dalam pembahagian harta pusaka wanita memperlihatkan bahawa pelaksanaannya dilakukan bersumberkan al-Qur'an dan Sunnah. Berdasarkan kaedah faraid, wanita menerima kadar pusaka sebanyak satu perdua, satu pertiga dan satu perempat serta satu perenam atau satu perlapen berdasarkan syarat-syarat tertentu. Selain itu, golongan wanita juga mendapat harta yang sama seperti golongan lelaki atau melebihi mereka dalam keadaan tertentu.

RUJUKAN

Makalah jurnal

Mohammad Arif Sabtu & Siti Mashitoh Mahamood (2017). Kaedah Muafakat dalam Pembahagian Harta Pusaka Orang Islam: Kajian di Mahkamah Tinggi Syariah Negara Brunei Darussalam. *Journal of Shariah Law Research*. 2(1), 21-34.

Hirschman, C. (2016). Gender, the Status of Women, and family Structure in Malaysia. *Malaysian Journal of Economic Studies*, 53(1), 33-50.

Resali Muda (2016). Harta Pusaka Islam di Malaysia: Antara Perundangan dan Pentadbiran. *Malaysian Journal of Syariah and Law, Volume 4*.

Buku

Al-Albani, Muhammad Nasir (t.th). *Sahih wa Da'if Sunan al-Tirmidhi*, Iskandariyah : Markaz Nur al-Islam.

Al-Bukhari, Muhammad b. Ismail (1422H). *Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zahir b. Nasir (Ed.). Beirut : Dar Ibn Kathir.

Fadil Hassan Abbas & Sana' Hassan Abbas (1991). *I'jaz al-Qur'an al-Karim*. Amman: Dar al-Furqan.

Al-Tirmidhi, Abu Isa Muhammad (t.th). *Sunan al-Tirmidhi*. Beirut : Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

Mahani Musa (2005). *Sejarah & Sosioekonomi Wanita Melayu Kedah 1881-1940*. (Edisi pertama). Bangi: Penerbit UKM.

Ahmad Yumni Abu Bakar & Mohd Fairuz Jamaluddin (2014). *Menjawab Islam Liberal: Pendedahan Agenda Jaringan Islam Liberal (JIL) & Sister In Islam (SIS)*. (Edisi pertama). PTS Publishing House.

Wazir Jahan Karim (1992). *Women and Culture Between Malay Adat and Islam*. San Francisco : Westview Press.

Muhammad Barraji, Juma'ah Muhammad (1999). *Ahkam al-Mirath fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Amman: Dar Yafa al-'Ilmiyyah.

Noresah Baharom, Kamus Dewan, ed. Ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, entri "harta pusaka".

Zaidan, Abd al-Karim (1994). *Al-Mufassal fi ahkam al-mar'ah wa al-bayt al-Muslim fi syari'ah al-Islamiyyah*. (Edisi kedua). Beirut: Muassasah al-Risalah.

Bab dalam buku

Jasni Sulong (2012). Hak Wanita Ke Atas Harta Dan Pembahagian Harta Pusaka. Dlm. Alzizan Mat Enh & Rohani Abdul Ghani (Ed.). *Wanita dan Masyarakat* (hlm. 219-250). Johor: Penerbit UTHM.

Kertas kerja/prosiding persidangan

Carsten, J. (1988). Women, Men, and the Long and Short Term of Inheritance in Pulau Langkawi, Malaysia. Workshop on Islamic Family Law and Practise, Januari 1988. University of Cambridge.

Mohammad Khairy Kamarudin et al. (2015). Pembahagian Harta Pusaka di Kalangan Waris : Pendekatan AHP. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Hibah Dalam Pengurusan Harta Islam 2015. Sintok : UUM, Mei.

Mohd Ridzuan Awang (2008). Faraid: Manifestasi Kesyumulan Pengurusan Harta Dalam Islam. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Konvensyen Faraid dan Hibah Kebangsaan 2008. Kuala Lumpur: JAKIM, Ogos.

Rujukan atas Talian

Sisters In Islam. *Memo Kesaksamaan Dalam Islam*. Tarikh masuk 1 Julai 2019, <https://www.sistersinislam.org.my/news.php?item.982.42>

Md Yazid Ahmad, t.t. *Penyelesaian Masalah Harta Pusaka dalam Islam*. Tarikh masuk 7 Julai 2019. <http://www.addeen.my/index.php/munakahat/harta-pusaka/item/959-penyelesaian-masalah-harta-pusaka-dalam-islam>